



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel : 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Web: [www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka](http://www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka)

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/11 (9)  
Tarikh : 14 April 2022  
Bersamaan : 12 Ramadan 1443H

**Ketua Pusat Tanggungjawab**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND VALIDATION)  
PEMBAYARAN KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini dengan rujukan ANM(UKPP)MEL/11 (5) bertarikh 18 Mac 2022 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat JANM telah mengeluarkan Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 berkenaan Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan yang berkuatkuasa pada 8 April 2022 dengan **membatalkan** GPANM Bil 3 Tahun 2021 - Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan Melalui Pindahan Dana Elektronik (*Electronic Funds Transfer*).

3. Sehubungan dengan itu, seperti di maklumkan dalam surat sebelum ini bagi meminimalkan kesilapan bayaran dan mengukuhkan integriti proses pembayaran kerajaan, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki menyemak maklumat penerima bayaran yang akan diemelkan kepada wakil Unit Kewangan di PTJ masing-masing. Maklumat penerima bayaran ini akan diemel secara berperingkat kepada PTJ terlibat dan semua PTJ ini adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan data maklumat penerima bayaran tersebut telah dikemaskini.

4. Bagi tujuan yang dinyatakan di perenggan 2, Format Pengesahan Data Penerima Bayaran yang diemelkan kepada PTJ hendaklah dilengkapi dengan mengambil tindakan seperti mana dinyatakan dalam Lampiran B, GPANM Bil 2 Tahun 2022 tersebut yang mana mukasurat terakhir format tersebut hendaklah ditandatangani oleh Penyedia, Penyemak (Penyelia ke atas) dan Pengesah (Ketua Jabatan). Format Pengesahan Data Penerima Bayaran yang telah dikemaskini hendaklah dihantar secara *softcopy* dalam format seperti berikut :

- i. Format Pengesahan Data Penerima Bayaran dalam bentuk *Microsoft Excel* seperti mana yang diemel kepada PTJ;
- ii. Pengesahan tandatangan oleh Penyedia, Penyemak dan Pengesah bagi muka surat akhir format di atas perlu diimbas dalam bentuk pdf.

5. Adalah diingatkan juga, PTJ perlu membuat catatan *mark for deletion* bagi nombor akaun bank yang tidak tepat pada ruangan catatan di dalam Format Pengesahan Data Penerima Bayaran bagi tujuan pembatalan. Sila rujuk tatacara di Lampiran B GPANM Bil 2 Tahun 2022 untuk penjelasan lanjut. Taklimat berkaitan tatacara berkenaan *Mass Upload* sepertimana dinyatakan di dalam GPANM ini akan diberi kepada PTJ setelah jabatan ini mendapat latihan daripada Ibu Pejabat.

ANM(UKPP)MEL/11 (9)

6. Dengan berkuatkuasanya GPANM Bilangan 2 Tahun 2022 - Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan ini, surat jabatan ini dengan rujukan ANM(UKPP)MEL/11 (5) bertarikh 18 Mac 2022 adalah dibatalkan.

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust.))**  
Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

---